

25/11/1999

Zhu kagumi Malaysia

Wan Sabariah Shikh Ali

KUALA LUMPUR, Rabu - Perdana Menteri China, Zhu Rongji, berkata kejayaan Malaysia keluar dari krisis ekonomi dengan cepat menerusi langkah kawalan modal membuktikan negara membangun wajar merangka dasar ekonomi mengikut kesesuaian keadaan dalam negara masing-masing.

Beliau berkata, dasar ekonomi yang betul serta ketenangan rakyat dan kerajaan dalam menghadapi krisis, adalah satu pengalaman unik bagi Malaysia.

Katanya, ketika media asing asyik mengkritik kawalan modal yang dilaksanakan oleh Malaysia, beliau menyampaikan pandangannya kepada Dr Mahathir secara peribadi.

"Saya katakan kepada Dr Mahathir bahawa langkah yang Malaysia ambil adalah betul," katanya pada majlis makan tengah hari anjuran Dewan Perniagaan dan Perindustrian Nasional (NCCIM) bagi meraikan lawatan beliau ke Malaysia, di sini hari ini.

Langkah berani Malaysia itu, katanya, menggambarkan wawasan dan keberanian Kerajaan Malaysia dan rakyatnya.

Beliau menambah, China turut melaksanakan dasar yang betul dan melaksanakan tanggungjawab antarabangnya sepanjang krisis.

Katanya, China memilih untuk tidak menurunkan nilai mata wangnya, renminbi (yuan), serta menyediakan AS\$6 bilion (RM22.8 bilion) untuk membantu negara yang terjejas dalam krisis Asia.

Zhu juga mengulangi sokongannya terhadap pendirian Dr Mahathir bahawa selagi struktur sistem kewangan antarabangsa tidak diubah, ekonomi di rantau ini masih terdedah kepada serangan yang serupa seperti tahun 1997.

Katanya, inisiatif yang dicadangkan oleh Malaysia itu, termasuk pengawasan yang lebih terhadap kegiatan aliran modal antarabangsa, memerlukan kerjasama yang lebih erat di kalangan negara.

Beliau memberi jaminan China akan memainkan peranannya ke arah menggalak hubungan dan kerjasama berkenaan.

Pada sesi soal jawab kemudiannya, Zhu ditanya mengenai tarikh lawatannya ke Malaysia yang didakwa oleh pembangkang sebagai taktik parti pemerintah untuk menarik sokongan masyarakat berketurunan Cina.

Katanya, lawatan itu sudah lama dirancang bagi disesuaikan dengan tarikh kehadirannya di Mesyuarat Tidak Rasmi Asean di Manila hujung minggu ini.

Ketika itu, katanya, tidak ada ura-ura Malaysia akan mengadakan pilihan raya dan setelah tarikh pilihan raya diumumkan, beliau tidak dinasihatkan supaya membatalkan kunjungannya.

"Hakikat bahawa kunjungan ini tidak dibatalkan mencerminkan kepercayaan dan penghormatan penuh antara kedua-dua pihak. Rakyat dan Kerajaan China amat menghargai kerjasama dan persahabatan ini," katanya.

Zhu berkata sepanjang berada di Kuala Lumpur beliau turut mengikuti setiap laporan media mengenai kunjungannya, tetapi mengelak daripada membaca sebarang berita mengenai pilihan raya.

Laporan akhbar tempatan mengenai kunjungannya amat objektif, katanya.

"Tetapi saya berhati-hati dengan tidak membaca langsung mengenai pilihan raya. Saya tidak mahu tersalah mengeluarkan kenyataan yang tidak sesuai," katanya.

Sementara itu, Rongji tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi hari ini untuk lawatan tidak rasmi dua hari di pulau peranginan ini.

Ketibaan pemimpin China dan rombongan kira-kira jam 5 petang itu disambut oleh Menteri Pertahanan selaku Menteri Pengiring, Datuk Abang Abu

Bakar Mustapha; Menteri Besar, Tan Sri Sanusi Junid dan beberapa pegawai Kerajaan Pusat dan negeri.

Rombongan kemudian menghadiri jamuan di sebuah hotel terkemuka di Kuah, malam ini dan dijadual melawat Dataran Lang, esok.

(END)